

KENYATAAN MEDIA

8 APRIL 2021

KUALA LUMPUR, 8 April – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) mengambil maklum berkenaan dengan penyerahan memorandum oleh ahli-ahli Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia (“Kesatuan”) di Putrajaya pada pagi hari ini.

Kami ingin menekankan bahawa pihak Syarikat sentiasa kekal profesional dalam berurusan dengan pihak Kesatuan serta pihak-pihak terlibat yang lain. Kami juga memberi jaminan kepada orang awam bahawa Syarikat akan terus memastikan tiada sebarang gangguan perkhidmatan dan akan berjalan seperti biasa di hospital-hospital di bawah seliaan Syarikat. Sehubungan dengan itu, UEM Edgenta juga kekal komited untuk terus bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”) dalam menangani isu-isu yang dibangkitkan.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Syarikat sentiasa mematuhi amalan undang-undang perburuhan Malaysia di segenap lapisan operasinya. Berkenaan dengan isu utama yang dibangkitkan oleh Kesatuan semasa penyerahan memorandum, dan selaras dengan kedudukan undang-undang buruh negara, umur persaraan minimum adalah 60 tahun. Oleh itu, penilaian ke atas sebarang pembaharuan kontrak pekerjaan adalah bergantung kepada prestasi individu, rekod pekerjaan dan kesesuaian untuk bertugas kerana hospital adalah kawasan yang berisiko tinggi.

Sebarang maklumat lanjut atau perkembangan terkini berkaitan dengan perkara ini akan dimaklumkan melalui laman web Syarikat (www.uemedgenta.com).

-Siaran Media Tamat-

Disiarkan oleh UEM Edgenta pada tarikh yang tertera di atas. Sebarang persoalan berkaitan boleh diajukan melalui e-mel ke communications@edgenta.com